

Tajuk Abstrak (Huruf besar setiap perkataan, Times New Roman 14, Justified, Bold, Single-spacing dan Nama saintifik mesti di tulis dalam *Italic*)

Nama Penuh Penulis Pertama^{1*}, Nama Penuh Penulis Kedua¹ dan Nama Penuh Penulis Ketiga.²

¹Alamat Penuh Institusi Penulis Pertama dan Kedua

²Alamat Penuh Institusi Penulis Ketiga

**Koresponden E-mail Penulis*

(Langkau satu baris dari tajuk, Huruf besar setiap perkataan, Times New Roman 11, Bold bagi nama penulis, *Italic* bagi koresponden email penulis dan Single-spacing)

Abstrak

(Langkau satu baris dari nama dan alamat penulis, Times New Roman 11, Justified, Single-spacing, Tidak melebihi 300 perkataan, Nama Saintifik mesti di tulis dalam *italic*)

Kata Kunci (Bold, 5 Perkataan, Times New Roman 11, selaraskan ke kiri, Susun mengikut abjad)

CONTOH

Penilaian Kualiti Fizikal dan Kimia bagi Varians Berbeza Buah Harumanis (*Mangifera indica*)

Wan Mahfuzah Wan Ibrahim¹, Muhamad Hafiz Muhamad Hassan¹, Siti Aisyah Ahmad² dan Nor Afiqah Jailani³

¹Pusat Penyelidikan Hortikultur, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) Sintok, 06050, Bukit Kayu Hitam, Kedah.

²Pusat Penyelidikan Hortikultur, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Persiaran MARDI-UPM, 43400, Serdang, Selangor.

³Jabatan Sains Tanaman, Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM), 43400, UPM Serdang, Selangor.

*E-mail: mahfuzah@mardi.gov.my

Abstrak

Mangga Harumanis (*Mangifera indica*) merupakan salah satu varieti terkenal yang ditanam di sekitar Negeri Perlis dan sebahagian Kedah kerana mempunyai iklim yang sesuai. Mangga Harumanis mendapat permintaan yang tinggi di pasaran kerana aroma dan rasanya yang manis. Walaubagaimanapun, mangga Harumanis mempunyai beberapa kekurangan dari segi hasil yang rendah, penampilan luran yang kurang menarik dan lokasi penanaman yang terhad. Oleh itu MARDI telah mengkaji varians pada mangga Harumanis dengan mengumpul koleksi Harumanis dari sekitar negeri Perlis yang mempunyai ciri-ciri seperti hasil tinggi, bentuk yang menarik dan ciri-ciri kimia yang baik. Lima varians telah digunakan di dalam kajian ini iaitu Santan Hulu Hijau A (SHHA), Santan Hulu Merah B (SHMB), Santan Hulu Kuning A (SHKA), Santan Hulu Hijau B (SHHB), dan Santan Tengah Merah B (STM). Parameter yang dianalisa adalah kualiti fizikal (warna kulit dan isi, berat buah, isi, kulit dan biji) dan kualiti kimia buah (jumlah pepejal terlarut (TSS), jumlah asid tertitrat (TTA), pH, purata TSS/TA dan kandungan vitamin C). Hasil kajian ini mendapati bahawa kualiti fizikal buah iaitu nilai sudut hue dan Chroma kulit buah perbezaan yang signifikan antara lima varians ini. Bagi penilaian kualiti kimia pula semua varians mempunyai perbezaan yang signifikan kecuali nilai pH. Kandungan vitamin C didapati paling tinggi bagi varian SHMB (2.75 mg/ml). Bagi nilai asid tertitrat pula, STMB mencatatkan bacaan tertinggi (2.12 g/L) menyebabkan nilai purata TSS/TTA terendah dicatatkan (10.58) yang mana menunjukkan varian STMB lebih cenderung kepada rasa yang lebih masam berbanding varian yang lain.

Kata Kunci: Fizikal, Harumanis, Kualiti fizikal, Kualiti kimia, Varians